

Penggunaan bahan Bantu Mengajar “LPS” dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak 5 Tahun

Use of Teaching Aids "LPS" in Improving Writing Skills of 5 Years Old Children

¹Nur Izzati Binti Kamaruddin, ²Anis Norma Binti Mohammad Jaafar & ³Roslina binti Omar

Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia,
35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA¹

Pra Cemerlang, Sekolah Kebangsaan (LKTP) Felda Ulu Jempol,
26400 Bandar Jengka, Pahang, MALAYSIA²

Corresponding Author: anisnorma@fpm.upsi.edu.my

Published: 28 June 2022

To cite this article (APA): Kamaruddin, N. I., Mohammad Jaafar, A. N., & Omar, R. (2022). Use of Teaching Aids "LPS" in Improving Writing Skills of 5 Years Old Children. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 172-185. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.16.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.16.2022>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kanak-kanak dalam aktiviti menulis huruf vokal kecil. Kajian ini dimulakan dengan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak dalam menulis huruf vokal kecil seterusnya memfokuskan kepada keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar “LPS” iaitu lagu, pasir dan slime terhadap peningkatan kanak-kanak dalam kemahiran menulis. Kajian ini melibatkan tiga orang kanak-kanak yang berumur lima tahun dan seorang guru prasekolah daripada prasekolah di daerah Maran, Pahang. Objektif kajian ini adalah untuk menyelesaikan masalah kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak 5 tahun melalui penggunaan bahan bantu mengajar “LPS” di dalam bilik darjah. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Pengumpulan data bagi kajian ini melalui kaedah pemerhatian ini dilaksanakan dengan melihat kepada hasil kerja kanak-kanak serta gambar. Manakala, kaedah temu bual pula dilakukan secara semi-formal berdasarkan soalan-soalan daripada objektif kajian. Data yang diperolehi adalah berdasarkan kepada penilaian secara bertahap oleh penyelidik dan pengalaman daripada seorang pendidik yang berpengalaman. Data kajian ini dianalisis menggunakan Microsoft Words. Pelaksanaan kajian adalah melalui dua kitaran dan empat fasa iaitu merancang, bertindak, melaksanakan dan membuat refleksi. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa aktiviti pengulangan secara berterusan dan penggunaan bahan bantu mengajar “LPS” dapat meningkatkan kemahiran menulis huruf vokal kecil bagi kanak-kanak ini. Refleksi kajian menunjukkan penggunaan bahan bantu mengajar “LPS” ini mampu menaikkan semangat kanak-kanak untuk melatih diri dalam aktiviti menulis dengan lebih baik. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberi inisiatif lain kepada para pendidik untuk menjalankan aktiviti menulis huruf vokal kecil selain penggunaan pensel dan kertas.

Kata kunci: Aktiviti Menulis, Bahan Bantu Mengajar “LPS”, Huruf Vokal Kecil, Kanak-Kanak Lima Tahun

Abstract

This study aimed to look at the level of mastery of children in the activity of writing small vowel letters. This study began by identifying the problems faced by children in writing small vowel letters and then focused on the effectiveness of the use of teaching aids "LPS" that is songs, sand and slime on the improvement of children's writing skills. The study involved three five-year-old children and a preschool teacher from a preschool in Maran district, Pahang. The objective of this study is to solve the problem of writing skills among 5-year-old children through the use of teaching aids "LPS" in the classroom. The method used in this study is a qualitative method that is observation method and interview method. Data collection for this study through this observation method was implemented by looking at the results of children's work as well as pictures. Meanwhile, the interview method was conducted semi-formally based on questions from the objectives of the study. The data obtained are based on a gradual evaluation by the researcher and the experience of an experienced educator. The data of this study were analyzed using Microsoft Words. The implementation of the study is through two cycles and four phases namely planning, acting, implementing and reflecting. The findings of the study have proven that continuous repetition activities and the use of teaching aids "LPS" can improve the skills of writing small vowels for these children. Reflections on the study show that the use of teaching aids "LPS" is able to raise the spirits of children to train themselves in writing activities better. Overall, this study can provide other initiatives for educators to carry out small vowel writing activities in addition to the use of pencil and paper.

Keywords: Writing Activities, Teaching Aids "LPS", Lowercase Vowel Letters, Five Year Old Children

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU

Penyelidik merupakan seorang pelajar praktikal yang menjalani program latihan mengajar di sebuah prasekolah selama lapan minggu. Sepanjang tempoh praktikum tersebut, penyelidik mendapati terdapat beberapa orang kanak-kanak tidak berapa mahir dalam kemahiran menulis huruf-huruf kecil. Oleh yang demikian, penyelidik mengambil keputusan untuk membuat pemerhatian terhadap punca berlakunya masalah menulis ini terhadap sesetengah kanak-kanak ini. Berdasarkan pemerhatian penyelidik secara kasar, didapati kanak-kanak ini tidak menumpukan perhatian sepenuhnya ketika pendidik memberi penerangan tentang cara menulis huruf-huruf vokal kecil dengan betul. Berikutan daripada itu, penyelidik berhasrat untuk membuat pemerhatian secara lebih jelas ketika aktiviti menulis dilakukan untuk subjek Bahasa Melayu. Setelah itu, penyelidik mendapati masalah kurang penumpuan ini adalah berpunca daripada kurang minat dan ketidakfahaman mereka melalui aktiviti menulis yang dijalankan oleh pendidik.

Pemerhatian PdPc 1

Berdasarkan pemerhatian penyelidik sepanjang tempoh praktikum, penyelidik mendapati bahawa prestasi kanak-kanak dalam kemahiran menulis belum mencapai tahap yang baik. Hal ini dapat dilihat melalui hasil tulisan mereka apabila diberikan beberapa lembaran kerja yang memerlukan mereka menulis huruf vokal bagi melengkapkan sesuatu perkataan itu. Berikutan itu, penyelidik cuba mengenal pasti kekurangan dalam pembelajaran yang mungkin menyebabkan masalah ini berlaku. Setelah mengenal pasti secara lebih lanjut, penyelidik mempercayai bahawa masalah ini adalah berpunca daripada penguasaan kanak-kanak dalam menguasai teknik menggenggam pensil dengan betul.

Berdasarkan kelemahan ini, penyelidik percaya bahawa kegunaan buku latihan dan pensel semata-mata menjadikan proses atau kemahiran menulis kanak-kanak ini tidak mencapai tahap penguasaan yang sebaiknya. Penggunaan buku latihan juga menjadikan proses pembelajaran tidak aktif seterusnya menambahkan kebosanan untuk kanak-kanak terus belajar.

Pemerhatian PdPc 2

Seterusnya, bagi pemerhatian penyelidik untuk kali kedua pula penyelidik mendapati masalah yang sama masih berulang. Hal ini dapat dilihat melalui pemerhatian penyelidik apabila kanak-

kanak menulis pada buku garis satu yang mempunyai ruang yang sempit dan menyukarkan mereka untuk menulis secara bebas. Berikutan masalah ini, penyelidik mendapati bahawa kemahiran mereka dalam menggenggam pensil masih lemah disebabkan koordinasi mata dan pergerakan tangan mereka tidak seiring.

Oleh yang demikian, penyelidik perlu memulakan aktiviti menulis ini pada peringkat awal iaitu penguasaan terhadap aktiviti motor halus. Kemahiran menulis ini menggunakan otot-otot jari, maka teknik-teknik yang betul perlu dipelajari terlebih dahulu seperti menggenggam, mengoyak dan menggunting sebagai langkah awal untuk meningkatkan keupayaan kemahiran menulis kelak.

Berdasarkan kedua-dua refleksi pengajaran dan pemudahcaraan ini, penyelidik telah mengambil langkah yang sesuai untuk membina kemahiran menulis iaitu menyediakan bahan bantu mengajar yang menarik dan interaktif. Bahan bantu mengajar merupakan antara aspek yang penting dalam meningkatkan minat kanak-kanak untuk melakukan sesuatu aktiviti. Terdapat banyak kajian-kajian yang lepas seperti Jasmi, K.A. (et al, 2011) dan Ilias, M. F. (et al, 2013) yang menyatakan bahawa bahan bantu mengajar banyak memberi kesan yang positif kepada kecemerlangan akademik murid-murid dibantu oleh kaedah pengajaran yang digunakan oleh pendidik itu sendiri. Hal ini membuktikan bahawa melalui bahan bantu mengajar, penyampaian pembelajaran dapat diterima dengan baik oleh setiap kanak-kanak.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada peningkatan motor halus kanak-kanak lima tahun terhadap kemahiran menulis huruf kecil. Kajian ini menekankan kepada penggunaan bahan bantu mengajar yang menjurus kepada kemahiran motor halus kanak-kanak bagi membentuk teknik menulis yang betul. Penyelidik percaya bahawa sebagai seorang pendidik dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak mementingkan penyediaan bahan bantu mengajar yang mampu menarik kanak-kanak untuk belajar. Selain itu, penyelidik percaya bahawa bahan bantu mengajar memainkan peranan yang amat penting dalam menyalurkan maklumat yang lebih berkesan kepada kanak-kanak. Namun begitu, pendidik memperhatikan bahawa proses pengajaran dan pemudahcaraan terutama dalam subjek Bahasa Melayu lebih menumpukan kepada penggunaan kad bergambar untuk mengenal huruf dan buku latihan untuk melatih penulisan kanak-kanak. Keadaan ini menyebabkan sesetengah kanak-kanak yang masih lemah dalam kemahiran menulis mudah berputus asa dan bosan dengan aktiviti yang sama tanpa ada sebarang peningkatan.

Berdasarkan masalah atau isu ini, penyelidik merancang beberapa penyediaan BBM yang dapat membantu proses kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka. Penggunaan BBM ini memfokuskan kepada kemahiran motor halus kanak-kanak dan proses mereka menggunakan koordinasi mata serta tangan untuk mengawal setiap pergerakan.

Penyelidik menggunakan bahan bantu mengajar “LPS” iaitu lagu, pasir dan slime sebagai bahan yang membantu kanak-kanak untuk belajar menulis selain menggunakan pensil serta kertas. BBM ini bertujuan untuk menggalakkan kanak-kanak belajar tentang teknik menulis dengan betul seterusnya mengenal huruf dengan lebih baik. Selain itu, bahan bantu mengajar ini juga bertujuan untuk menanam konsep belajar melalui bermain iaitu suatu teknik yang mampu menarik minat kanak-kanak untuk terus belajar.

Penyelidik mempercayai bahawa kemahiran menulis adalah salah satu kemahiran yang sangat penting dan perlu dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat ini. Kemahiran ini juga memerlukan pendedahan awal melalui latihan yang berterusan dan berperingkat sejak dari kecil. Hal ini dapat membantu kanak-kanak untuk menguasai kemahiran menulis ini pada peringkat umur yang sepatutnya. Keadaan ini disokong oleh kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa penguasaan kemahiran menulis pada peringkat awal dapat membantu penulisan huruf yang betul (Puranik dan Loningan, 2011) dan menulis nama dengan baik (Diamond dan Baroody, 2013). Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa bahan bantu mengajar yang menarik serta sesuai mengikut peringkat umur mampu melatih kanak-kanak untuk mengasah minat dan kemahiran mereka terhadap aktiviti menulis.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menyelesaikan masalah kanak-kanak 5 tahun dalam menguasai kemahiran menulis huruf kecil di dalam subjek Bahasa Melayu menerusi Tunjang Komunikasi dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017.

3.1 Objektif Am

Membuat kajian tindakan bagi meningkatkan kemahiran motor halus kanak-kanak 5 tahun dalam aktiviti menulis dengan menggunakan bahan bantu mengajar "LPS".

3.2 Objektif Khusus

3.2.1 Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak dalam aktiviti menulis huruf kecil.


3.2.2 Mengetahui keberkesanan bahan bantu mengajar "LPS" dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf kecil.

3.2.3 Mengenal pasti kekangan pendidik dalam menyediakan/ menghasilkan bahan bantu mengajar "LPS".

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan melalui kaedah kualitatif. Kajian ini menggunakan model Kemmis dan Mc Taggart dalam pelaksanaan kajian. Model ini melibatkan kitaran proses berterusan iaitu merancang (*plan*), bertindak (*act*), dan perhati (*observe*) dan merefeksi (*reflection*) (Cresswell 2008; Merriam 2009; Cohen et.al 2007).



Rajah 4.1 Lingkaran Kajian Tindakan

4.2 Peserta Kajian/ Kumpulan Sasaran

Kajian ini dijalankan di prasekolah iaitu terletak di Maran, Pahang. Prasekolah ini mempunyai 50 orang kanak-kanak iaitu 25 orang bagi satu kelas. Kumpulan sasaran yang difokuskan dalam kajian ini adalah kanak-kanak yang berumur lingkungan 5 tahun dan mempunyai masalah dalam aktiviti menulis huruf kecil. Seramai tiga orang kanak-kanak telah dipilih sebagai peserta untuk kajian ini iaitu terdiri daripada tiga orang kanak-kanak lelaki.

4.3 Pengumpulan data

Pengumpulan data bagi kajian ini telah menggunakan dua instrumen iaitu pemerhatian dan temu bual. Instrumen pemerhatian ini bagi mendapatkan data bagi kajian ini manakala temu bual pula bertujuan untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian yang dikaji.

4.3.1 Pemerhatian

Bagi instrumen pemerhatian, penyelidik mengumpul data daripada hasil kerja kanak-kanak serta gambar yang berkaitan dengan kajian yang dikaji. Instrumen pemerhatian ini juga dilihat dari sudut kebolehan dan kemampuan kanak-kanak daripada peringkat awal penulisan sehingga peringkat akhir iaitu selepas melakukan beberapa aktiviti yang melibatkan BBM “LPS”.

4.3.2 Temu Bual

Bagi instrumen temu bual, penyelidik menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang terdiri daripada soalan pengenalan, soalan transisi, soalan kunci dan soalan penutup. Temu bual ini juga dilakukan antara penyelidik dan pendidik di prasekolah tersebut. Temu bual ini akan menyentuh berkaitan sebab berlakunya masalah menulis ini dalam kalangan kanak-kanak seterusnya keberkesanan BBM “LPS” sebagai bahan yang membantu untuk meningkatkan minat kanak-kanak dalam aktiviti menulis. Selain itu, penyelidik juga akan menyentuh tentang beberapa perkara yang menghalang pendidik untuk menghasilkan BBM “LPS” ini sebagai salah satu bahan yang merangsang minat kanak-kanak selain penggunaan buku pada peringkat awal aktiviti menulis.

4.4 Analisis Kajian

Kajian ini dianalisis menggunakan *Microsoft Words Windows 10* untuk menyusun setiap maklumat hasil daripada dapatan kajian secara sistematik dan tersusun melalui hasil kerja kanak-kanak, gambar serta transkrip temu bual.

4.5 Etika Penyelidikan

Kajian ini dimulakan dengan meminta kebenaran daripada pihak guru pembimbing tentang penyelidikan tersebut secara lisan. Setelah itu, permohonan kebenaran daripada pihak sekolah dilakukan dengan menyediakan satu kertas cadangan yang menyatakan tentang objektif yang ingin dikaji di dalam kajian ini. Kertas cadangan ini dikeluarkan sebagai bahan bukti hitam putih bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku seperti salah faham atau sebagainya. Kebenaran ini juga dimohon sebagai pemberitahuan awal kepada pihak sekolah tentang kajian yang telah dirancang supaya tidak mengganggu sesi pengajaran dan pemudahcaraan kanak-kanak. Hal ini ditambah lagi apabila kajian ini hanya melibatkan tiga orang kanak-kanak dan tidak menyeluruh kepada setiap kanak-kanak. Selain itu, penyelidik juga telah memohon kebenaran daripada pihak guru pembimbing juga untuk melakukan sesi temubual bersama beliau. Hal ini kerana, pihak pendidik atau responden juga mempunyai hak untuk menolak atau menerima sesi temu bual tersebut. Bagi penyelidik, responden kajian iaitu kanak-kanak dan guru pembimbing perlu didedahkan dengan objektif kajian terlebih dahulu supaya mereka memahami tentang perjalanan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

4.6 Kesahan dan kebolehpercayaan

Kajian ini menggunakan kaedah Triangulasi iaitu pengumpulan data kajian lebih daripada satu sumber. Pengumpulan data kajian adalah melalui hasil kerja kanak-kanak, gambar serta kaedah temu bual. Triangulasi data merupakan salah satu cara untuk menyatakan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.


5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan Masalah

Tinjauan masalah dibuat berdasarkan kepada hasil kerja kanak-kanak serta gambar melalui pemerhatian sebelum kajian tindakan ini dilaksanakan.

5.1.1 Hasil kerja

Penyelidik telah membuat pemerhatian terhadap hasil kerja kanak-kanak sebelum kajian ini dijalankan. Berdasarkan hasil kerja tersebut, didapati kanak-kanak ini masih tidak dapat menulis dengan baik melainkan menconteng membentuk garisan atau bulatan. Hasil kerja tersebut boleh dilihat berdasarkan gambar rajah dibawah:



Rajah 5.1 Hasil Kerja Kanak-Kanak sebelum Kajian Dijalankan

5.1.2 Gambar

Penyelidik juga melakukan pemerhatian melalui tingkah laku kanak-kanak sewaktu aktiviti menulis sebelum melaksanakan kajian. Berdasarkan pemerhatian tersebut, didapati kanak-kanak tidak memberikan tumpuan sepenuhnya ketika pendidik menunjukkan contoh cara menulis huruf kecil di hadapan bilik darjah. Keadaan ini menunjukkan bahawa penglibatan kanak-kanak di dalam aktiviti ini tidak dapat dicapai sepenuhnya. Hasil daripada pemerhatian juga mendapati kanak-kanak tidak ada rasa ingin mencuba dan memahami cara menulis dengan betul.


5.2 Analisis Tinjauan Masalah

Berdasarkan tinjauan masalah, penyelidik mendapati bahawa terdapat kanak-kanak yang masih lemah dalam aktiviti menulis terutama berkaitan dengan tulisan huruf kecil. Masalah ini dapat dikenal pasti berdasarkan hasil kerja kanak-kanak dan gambar-gambar yang berkaitan dengan tingkah laku mereka sewaktu aktiviti menulis dijalankan. Berikut adalah hasil kerja kanak-kanak, penyelidik mendapati kertas kosong yang diberikan hanya dipenuhi dengan garisan serta bentuk bulat yang pelbagai.

Namun begitu, terdapat juga hasil kerja yang sedikit baik seperti huruf "a" yang ditulis dengan bentuk bulat serta diikuti dengan palang berbentuk satu dalam jarak yang sedikit jauh. Keadaan ini membuktikan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan masalah ini sering dihadapi oleh kanak-kanak.

Seterusnya, berdasarkan pemerhatian, penyelidik juga mendapati bahawa kanak-kanak ini mempunyai masalah untuk menggabungkan garisan titik-titik putus. Keadaan ini dapat dilihat apabila gabungan titik-titik tersebut terkeluar daripada garisan yang disediakan. Hal ini dapat merumuskan bahawa kanak-kanak ini

mengalami tahap penguasaan yang lemah dalam menggenggam pensel dengan betul dan tidak boleh mengkoordinasikan mata menerusi pergerakan tangan mereka.



Rajah 5.2 Hasil Kerja Kanak-Kanak sebelum Kajian Dijalankan

Fasa 2 (Bertindak)

Pada permulaan aktiviti pengajaran, pendidik menulis lirik lagu berkaitan dengan huruf a, e, i, o dan u di atas papan putih. Pendidik mengeluarkan satu alat muzik yang dinamakan tamborin bagi menambah keseronokan kanak-kanak sepanjang menyanyikan lagu tersebut. Pendidik menyanyikan lagu tersebut terlebih dahulu bersama rentak irama tamborin tersebut kemudian kanak-kanak mengikutnya secara perlahan-lahan. Bantuan alat muzik tamborin ini menjadikan suasana pembelajaran menjadi lebih aktif dengan irama dan rentak yang dihasilkan. Menurut Rosli dan Omar (2013), menyatakan bahawa penggunaan irama dan rentak sebagai iringan dalam sesebuah lagu menjadikan kanak-kanak lebih mudah untuk mengingat lirik seterusnya menambah minat mereka untuk terus belajar. Rasional lagu ini digunakan sebagai permulaan pembelajaran adalah untuk menimbulkan rasa seronok tentang pengenalan terhadap huruf-huruf vokal.

Setelah itu, pendidik menggunakan bahan mengajar papan bertulisan abjad sebagai alat yang boleh dipraktikkan oleh kanak-kanak tentang cara penulisan huruf yang betul. Penyelidik akan menunjukkan cara mengaplikasikan bahan mengajar ini terlebih dahulu kepada setiap kanak-kanak. Bahan ini memerlukan penggunaan jari telunjuk seolah-olah seperti pensel sambil mengikut anak panah bagi membentuk huruf a, e, i, o dan u tersebut. Penyelidik juga menggunakan bahan ini sambil mendendangkan lagu yang telah dihafal dengan suara yang kuat dan jelas pada pendengaran kanak-kanak ini. Kemudian, kanak-kanak pula akan melakukan perkara atau hal yang sama secara individu dan bergilir-gilir. Aktiviti ini akan dilakukan secara berulang-ulang sehingga kanak-kanak dilihat mula mengenal huruf serta cara menulisnya dengan betul. Sementara itu, pendidik juga akan menggunakan alat muzik tamborin untuk dijadikan iringan nyanyian semasa kanak-kanak melakukan aktiviti tersebut. Hal ini secara tidak sedar dapat membantu meningkatkan perkembangan emosi kanak-kanak untuk lebih seronok mendalami isi pembelajaran.


Seterusnya, kemahiran menulis ini diteruskan lagi dengan aktiviti menulis menggunakan jari telunjuk kanak-kanak. Penyelidik akan menyediakan warna air dan kertas A4 sebagai alatan sampingan bagi aktiviti menulis ini. Penyelidik menunjukkan demonstrasi terlebih dahulu kepada kanak-kanak iaitu mencelupkan jari telunjuk ke dalam warna air yang disediakan, kemudian menggunakan jari yang sama dengan menulis huruf a, e, i, o dan u di atas kertas A4 yang kosong. Tujuan aktiviti ini bagi melihat sejauh mana kefahaman kanak-kanak tentang cara menulis yang betul berdasarkan penggunaan lagu dan papan bertulisan abjad sebelum ini. Penggunaan warna air ini digunakan untuk memberi kelainan kepada kanak-kanak selain menggunakan pensel sebagai alat tulis mereka. Sekiranya kanak-kanak lupa atau tidak ingat tentang cara penulisan huruf tersebut, mereka boleh mempraktikkan semula penulisan itu dengan menggunakan papan bertulisan abjad tersebut.

Setelah kanak-kanak ini berjaya menulis semua huruf vokal tersebut, penyelidik meminta kanak-kanak menyanyikan lagu serta menyebut setiap huruf tersebut di hadapan kelas

secara individu. Aktiviti ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada peningkatan daya ingatan kanak-kanak serta menambah keyakinan dalam diri mereka.

Fasa 3 (Pemerhatian)

Setelah seminggu penyelidik menggunakan bahan bantu mengajar yang sama secara berulang kali, didapati kanak-kanak sudah dapat mengikut rentak yang betul cara menulis huruf a, e, i, o dan u dengan betul menggunakan jari mereka. Jari telunjuk yang digunakan di dalam aktiviti ini adalah untuk melatih kanak-kanak menggenggam jari jemari mereka seolah-olah sedang memegang sebatang pensel. Penyelidik juga melihat perubahan kepada hasil tangan yang dicorakkan oleh mereka membentuk huruf-huruf vokal kecil tersebut. Penyelidik mendapati terdapat peningkatan yang baik dan berada pada tahap yang agak memuaskan. Hal ini menunjukkan, penggunaan lagu sebagai bahan utama dalam aktiviti ini dapat menarik minat kanak-kanak untuk menulis dengan lebih baik.



Rajah 5.3 Hasil Kerja Kanak-Kanak selepas Kajian Dijalankan

Fasa 4 (Mereflek)

Selepas beberapa hari kemudian, penyelidik telah mencari waktu yang terluang dan sesuai untuk membuat penilaian dan menghasilkan refleksi terhadap tahap kemahiran menulis yang telah berjaya dikuasai oleh kanak-kanak. Penilaian ini dilakukan untuk membuktikan keberkesanan penggunaan lagu sebagai salah satu daya tarikan yang menarik minat kanak-kanak ini untuk menulis menggunakan warna air yang disediakan. Manakala refleksi adalah untuk mendapat maklum balas daripada guru pembimbing terhadap pencapaian kajian.

Aktiviti menulis ini dijalankan oleh penyelidik ini adalah berpandukan kepada Tunjang Fizikal dan Estetika yang terdapat di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017. Oleh yang demikian, penyelidik akan membuat satu perbandingan terhadap keputusan melalui tindakan yang dilaksanakan sebelum dan selepas bahan bantu mengajar ini diaplikasikan untuk melihat peningkatan yang berlaku dalam aktiviti menulis ini.

Kitaran Kedua

Fasa 1 (Merancang)

Berdasarkan hasil pembelajaran yang dilakukan pada kitaran 1, penyelidik mendapati bahawa strategi pembelajaran perlu ditingkatkan dengan lebih kreatif iaitu menggunakan bahan bantu mengajar yang berkonsepkan permainan. Penggunaan bahan bantu mengajar lagu telah digunakan pada kitaran 1, namun pada peringkat ini ketiga-tiga bahan "LPS" ini iaitu lagu, pasir dan slime akan digunakan sebagai langkah untuk menarik minat kanak-kanak ini dalam aktiviti menulis. Pendidik mempercayai bahawa bahan ini sedikit sebanyak mampu mempengaruhi minat kanak-kanak kerana konsep yang dibawa lebih kepada bermain sambil belajar. Menurut Rashidah Rahman (2013), beliau menyatakan bahawa sikap suka bermain merupakan ciri-ciri semulajadi yang terdapat dalam diri kanak-kanak. Oleh yang demikian, beliau berpendapat bahawa pendekatan yang paling bersesuaian serta hampir dengan jiwa kanak-kanak adalah

pendekatan bermain sambil belajar. Selain itu, penggunaan pasir dan slime juga digunakan adalah disebabkan oleh teksturnya yang lembut dan memudahkan aktiviti ini dijalankan. Tekstur pasir dan slime ini akan membantu rangsangan sensori sentuhan (tactile) dan proprioseptif yang menyedarkan kanak-kanak akan corak huruf kecil berdasarkan pergerakan jarinya. Rasional menjadikan pasir dan slime sebagai bahan mengajar untuk aktiviti ini adalah untuk melihat sejauh mana perkembangan mereka dapat dibentuk dengan baik.

Fasa 2 (Bertindak)

Pada permulaan bagi aktiviti ini, penyelidik menggunakan semula papan bertulisan abjad a, e, i, o dan u. Papan bertulisan abjad ini bertujuan untuk mengimbas semula tentang bentuk-bentuk bagi huruf vokal pada pembelajaran sebelum ini. Penyelidik meminta kanak-kanak melaksanakan perkara yang sama iaitu menulis pada papan bertulisan abjad tersebut sambil menyanyikan lagu berkaitan bentuk menulis huruf a, e, i, o dan u. Teknik mengimbas dan mengulang pembelajaran yang lalu bertujuan untuk meningkatkan daya ingatan dan kemahiran kanak-kanak. Hal ini bersesuaian dengan teori yang dikeluarkan oleh B.F Skinner (1904-1990) iaitu Teori Pelaziman Operan yang menekankan tentang latihan secara berulang. Dalam hal ini, aktiviti menulis dengan kadar yang berulang-ulang akan membantu kanak-kanak mengecam bentuk huruf vokal dengan lebih baik.

Setelah mendapati kanak-kanak sudah memahami bentuk-bentuk huruf vokal tersebut, penyelidik menyediakan bahan bantu mengajar slime yang mempunyai pelbagai jenis warna. Slime merupakan antara *sensory play* dan terapi yang baik untuk kanak-kanak lingkungan umur ini. Slime juga mempunyai tekstur yang anjal dan lembut yang digunakan untuk membantu menguatkan otot-otot halus pada jari jemari kanak-kanak. Oleh yang demikian, penyelidik menggunakan slime ini sebagai bahan untuk kanak-kanak membentuk huruf-huruf vokal kecil mengikut kefahaman mereka. Melalui permainan ini, kanak-kanak dilihat lebih fokus dengan pergerakan koordinasi mata dan tangan mereka. Kemudian, penyelidik meminta kanak-kanak untuk menulis di atas slime mengikut bentuk huruf vokal yang dibentuk. Penulisan tersebut haruslah berdasarkan gaya penulisan yang ditulis pada papan bertulisan abjad sebelum ini. Hal ini bertujuan untuk mempraktikkan tentang cara menulis dengan betul.


Seterusnya, bagi meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak, penyelidik menyediakan satu lagi bahan permainan iaitu pasir yang juga mempunyai pelbagai jenis warna. Pasir juga merupakan salah satu *sensory play* yang merangsang perkembangan deria sentuhan mereka iaitu kanak-kanak itu boleh menggenggam, menghancurkan dan menggumpal pasir-pasir tersebut. Namun begitu, di dalam aktiviti ini, kanak-kanak perlu menulis menulis huruf a, e, i, o dan u menggunakan jari mereka. Penggunaan jari di dalam aktiviti ini memainkan peranan yang penting untuk melatih keupayaan genggam dengan lebih baik. Justeru, kanak-kanak akan lebih mudah untuk mengkoordinasi jari mereka sewaktu aktiviti menulis. Perkara yang sama dilakukan oleh kanak-kanak iaitu menulis dengan gaya penulisan yang ditulis di atas papan bertulisan abjad tersebut.



Rajah 5.3 Hasil Kerja Kanak-Kanak Membentuk Huruf Vokal Melalui Slime Dan Pasir

Fasa 3 (Pemerhatian)

Setelah beberapa hari kemudian, penyelidik menggunakan bahan bantu mengajar pasir dan slime ini secara berterusan untuk aktiviti menulis, didapati kanak-kanak ini dapat menunjukkan minat mereka terhadap aktiviti menulis. Hal ini dapat diperhatikan apabila, kanak-kanak sudah menunjukkan keyakinan untuk ke hadapan apabila penyelidik meminta mereka menulis huruf-huruf vokal ini di papan putih. Penyelidik juga memerhatikan tentang kekemasan gaya penulisan kanak-kanak ini dapat dibentuk dengan lebih baik berbanding kanak-kanak yang lain. Justeru itu, keberkesanan yang lebih baik dapat diperhatikan apabila kanak-kanak ini menunjukkan tingkah laku yang positif bukan sahaja dari segi menulis malah dari sudut kemahiran yang lain juga.



Rajah 5.3 Hasil Kerja Kanak-Kanak Membentuk Huruf Vokal Di Papan Putih

Fasa 4 (Mereflek)

Selepas beberapa hari, penyelidik telah mencari satu waktu yang sesuai untuk menjalankan penilaian dan refleksi terhadap tahap penguasaan kanak-kanak ini dalam aktiviti menulis. Penilaian selepas tindakan ini adalah bertujuan untuk membuktikan sejauh mana keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar pasir dan slime mampu menarik minat yang lebih mendalam kepada kanak-kanak terhadap aktiviti menulis. Manakala refleksi adalah untuk mendapatkan maklum bala daripada guru pembimbing terhadap pencapaian kajian.

Aktiviti menulis ini dijalankan adalah berpandukan kepada tunjang yang terdapat di dalam KSPK semakan 2017 iaitu Tunjang Komunikasi di dalam bidang Bahasa Melayu. Oleh yang demikian, penyelidik akan membuat satu perbandingan terhadap keputusan melalui tindakan yang dilaksanakan sebelum dan selepas bahan bantu mengajar ini diaplikasikan untuk melihat peningkatan yang berlaku dalam aktiviti menulis ini. Refleksi bagi kitaran dua ini telah dijalankan bersama guru pembimbing. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar pasir dan slime telah membentuk semangat kanak-kanak untuk lebih berkemahiran dalam aktiviti menulis dengan lebih baik.

5.4 Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dilihat sebelum dan selepas pengaplikasian penggunaan bahan bantu mengajar "LPS" terhadap aktiviti menulis, kanak-kanak dilihat menunjukkan sedikit perubahan terhadap minat mereka dalam menguasai kemahiran menulis. Selain itu, kanak-kanak juga dilihat sudah mula mengenal dan menunjukkan kefahaman mereka terhadap huruf-huruf vokal kecil menerusi latihan secara berterusan. Justeru itu, kanak-kanak ini juga dilihat mula menunjukkan penglibatan secara aktif apabila penyelidik memintanya menulis di papan putih. Hal ini menunjukkan perubahan tingkah laku terhadap tahap keyakinan mereka disebabkan oleh peningkatan pengalaman dan pengetahuan yang diaplikasikan. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa penggunaan "LPS" ini serba sedikit membantu meningkatkan minat dan kebolehan kanak-kanak dalam kemahiran menulis dengan lebih berkesan.

Dapatan kajian ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu melihat keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar “LPS” ini dalam membentuk kemahiran menulis kanak-kanak terutama huruf-huruf vokal kecil iaitu a, e, i, o dan u.

5.4.1 Aktiviti pengulangan secara berterusan

Berdasarkan daripada dapatan kajian hasil kerja kanak-kanak, terdapat peningkatan dari segi gaya penulisan mereka. Kanak-kanak juga didapati mampu meningkatkan tumpuan koordinasi mata dan pergerakan tangan mereka. Hal ini menunjukkan bahan-bahan yang digunakan mampu memberi kesan kepada tahap tumpuan mereka bagi aktiviti menulis. Keadaan ini dapat dilihat apabila penyelidik menyediakan kertas garis tiga kepada kanak-kanak untuk memastikan penulisan mereka kemas dan tersusun. Bagi kanak-kanak pertama, didapati sebelum ini tidak dapat menguasai kesemua huruf-huruf abjad termasuk huruf vokal kecil, namun setelah dipraktikkan dengan bahan bantu mengajar “LPS”, peningkatan dapat dilihat apabila kanak-kanak ini mampu menulis huruf “i” dan “o” dengan baik. Bagi kanak-kanak yang kedua dan yang ketiga pula, sebelum pelaksanaan bahan-bahan “LPS” ini, mereka didapati akan menulis huruf “a” dengan bentuk bulat seperti huruf “o” kemudian garis satu di sebelah kanannya. Namun, setelah ditunjukkan dan dipraktikkan secara berulang kali, kanak-kanak didapati menunjukkan perubahan terhadap gaya penulisan huruf “a” tersebut dengan baik. Oleh yang demikian, berdasarkan pemerhatian ini, didapati setiap kanak-kanak mempunyai peningkatan yang baik daripada sebelum ini, namun melalui latihan yang berterusan juga diperlukan supaya tahap penguasaan mereka dalam kemahiran menulis dapat diperkembangkan.

5.4.2 Penggunaan bahan bantu mengajar “LPS”


Dapatan kajian berdasarkan hasil temu bual antara penyelidik dan guru prasekolah menunjukkan bahawa masalah menulis huruf vokal kecil dalam kalangan kanak-kanak adalah berpunca daripada pengetahuan mereka yang masih cetek terhadap pengenalan huruf-huruf abjad vokal mahupun konsonan. Faktor ini membawa kepada masalah utama kerana mengenal huruf abjad adalah asas utama yang perlu ditekankan terlebih dahulu sebelum meneruskan kepada kemahiran membaca atau menulis. Menurut Nathesan (2010), kemahiran yang memerlukan jangka masa panjang, kompleks dan mencabar merupakan kemahiran menulis. Oleh itu, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang terakhir yang telah dinyatakan di dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017. Selain itu, guru prasekolah juga berpendapat bahawa asas kepada kemahiran menulis adalah cara pegangan pensel yang betul. Oleh itu sekiranya jenis genggam pensel tidak betul dan teknik yang digunakan adalah salah menyebabkan penulisan yang akan dihasilkan tidak menepati ciri-ciri penulisan yang baik dan kemas. Menurut Abdul Rasid (2011) menyatakan bahawa masalah ini berlaku adalah disebabkan oleh ketidakcekapan dan ketidakupayaan menyelaraskan koordinasi mata menerusi pergerakan tangan sewaktu menulis. Oleh itu, ketidakupayaan ini perlulah dititikberatkan untuk mengurangkan risiko masalah menulis ini terus berlarutan.

Seterusnya, dapatan berdasarkan hasil temu bual juga telah menunjukkan bahawa bahan bantu mengajar “LPS” iaitu lagu, pasir dan slime juga mampu memberi keberkesanan kepada kemahiran menulis kanak-kanak. Guru prasekolah berpendapat bahawa bahan-bahan yang digunakan ini adalah sangat bersesuaian dan tidak lari daripada konsep bermain sambil belajar. Konsep ini merupakan teknik yang sentiasa ditekankan kepada pendidik Pendidikan Awal Kanak-kanak kerana amalan ini adalah lumrah semula jadi

bagi setiap kanak-kanak. Menerusi KSPK semakan 2017 juga telah menyatakan bahawa bermain sambil belajar adalah strategi pertama yang ditekankan dan tidak boleh dipandang enteng oleh setiap pendidik. Menerusi hasil temu bual juga, guru prasekolah menyatakan bahawa bahan yang digunakan mampu meningkatkan perkembangan kognitif dalam diri kanak-kanak. Menurut hasil kajian Tameon (2018) menyatakan bahawa bermain memberi peranan yang amat penting untuk perkembangan diri kanak-kanak terutama dari segi perkembangan kognitif dan sosial mereka. Hal ini juga disokong oleh Piaget yang amat menekankan tentang keperluan bermain bagi kanak-kanak sehingga mereka mencapai kepuasan dalam diri mereka sendiri. Oleh itu, penyelidik percaya bahawa bahan bantu mengajar "LPS" ini mampu menarik perhatian kanak-kanak untuk memperkembangkan lagi kemahiran menulis mereka.

Kemudian, hasil daripada temu bual juga menunjukkan bahawa tiada sebarang kekangan sewaktu menyediakan bahan bantu mengajar "LPS" ini di dalam bilik darjah untuk aktiviti menulis ini. Hal ini kerana, guru prasekolah berpendapat bahawa bahan-bahan ini sentiasa disediakan di dalam bilik darjah terutamanya pasir yang merupakan salah satu bahan yang sesuai untuk merangsang keupayaan kanak-kanak untuk aktiviti menulis. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa bahan ini sentiasa digunakan olehnya untuk melihat sejauh mana permainan pasir itu boleh mengadaptasi pembelajaran sebelumnya iaitu mengenal bentuk huruf kecil vokal mahupun konsonan. Keadaan ini telah menentukan bahawa kemahiran menulis bukan sahaja boleh dipelajari melalui pensel dan kertas tetapi boleh diubahsuai melalui permainan seperti pasir dan slime.

Berdasarkan kepada data-data yang telah diperolehi daripada hasil tindakan kepada masalah kajian ini, penyelidik berpendapat bahawa penggunaan bahan bantu mengajar "LPS" ini mampu membantu memberi keberkesanan kepada kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka dengan baik. Hal ini juga selaras dengan dasar Pendidikan Awal Kanak-kanak iaitu penguasaan amalan 3M (Membaca, Menulis dan Mengira). Amalan ini juga telah diberi penegasan yang berterusan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (1995) untuk memastikan kadar buta huruf di dalam negara menunjukkan nilai sifar.



5.4 Refleksi Kajian

Berdasarkan penyelidikan bagi kajian tindakan ini, pendidik memperolehi satu kaedah yang menarik dan boleh diaplikasikan untuk menanam minat kanak-kanak dalam aktiviti menulis. Penyelidik juga berpendapat bahawa kajian ini dipilih adalah disebabkan oleh masalah ini sering dihadapi oleh setiap kanak-kanak terutama pada peringkat awal pembelajaran menulis. Rasional penyelidik memilih tajuk "Penggunaan Bahan Bantu Mengajar "LPS" ini Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-kanak 5 Tahun" ialah disebabkan oleh bahan yang digunakan adalah lebih kreatif serta

mampu merangsang keupayaan kanak-kanak untuk melatih diri mereka dalam aktiviti menulis terutama pada peringkat awal pembelajaran selepas mengenal huruf-huruf vokal. Kajian ini juga dikaji untuk mengenal pasti sejauh mana keberkesannya terhadap perkembangan gaya penulisan kanak-kanak.

Selain itu, sebagai penyelidik dan bakal pendidik Pendidikan Awal Kanak-kanak, penyelidik berhasrat untuk melakukan sedikit perubahan untuk menukar gaya strategi pembelajaran dengan menggunakan bahan-bahan yang interaktif bagi membantu kanak-kanak yang mempunyai masalah dalam kemahiran menulis mereka. Strategi pembelajaran amat mempengaruhi minat kanak-kanak untuk belajar kerana kanak-kanak pada peringkat umur ini masih bergantung kepada pendidik dalam menerima ilmu pengetahuan. Hal ini bertepatan dengan kehendak Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), (2011) yang menyatakan bahawa kreativiti dalam kaedah pengajaran merupakan satu elemen baru yang memberi impak kepada proses pengajaran dan pemudahcaraan kanak-kanak di sekolah.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang diperolehi, penyelidik berharap pada kajian yang akan datang, penyelidik dapat diberi peluang untuk menambahbaik penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih menarik serta kreatif selaras dengan pembangunan perkembangan kanak-kanak abad ke-21. Penyelidik juga berharap untuk diberi peluang mencari maklumat dengan lebih teliti tentang masalah atau isu ini supaya pengetahuan tentangnya dapat diketahui dari semasa ke semasa. Seterusnya, penyelidik juga akan sentiasa meminta pandangan dan pendapat daripada guru pembimbing tentang pelaksanaan kajian ini supaya tidak mempunyai masalah yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada kanak-kanak ini.

Selain itu, penyelidik berharap agar tempoh masa yang diberikan untuk kajian akan datang lebih panjang kerana masalah ini terutama dalam aktiviti menulis memerlukan jangka masa yang panjang untuk melihat perkembangannya dari semasa ke semasa. Hal ini kerana, aktiviti intervensi ini memerlukan penyelidik mengenal pasti tahap penguasaan setiap kanak-kanak sebelum mengetahui masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak tersebut. Oleh itu, jangka masa yang diperlukan perlulah panjang supaya objektif yang ingin disampaikan menemui keberhasilan kepada kanak-kanak. Secara keseluruhannya, penggunaan bahan bantu mengajar "LPS" ini adalah sesuatu yang perlu diusahakan oleh setiap pendidik supaya kanak-kanak dapat merasai suatu pengalaman yang baru dan lebih bermakna serta memberi kesan kepada perkembangan fizikal iaitu kemahiran menulis mereka.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 1-12.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). (2011). *Panduan Kreativiti Pembangunan dan Amalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Diamond, K. E., & Baroody, A. E. (2013). Associations among name writing and alphabetic skills in prekindergarten and kindergarten children at risk of school failure. *Journal of Early Intervention*, 35(1), 20-39.
- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H. & Mohd Hamzah, M. I. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 2011.59-74.
- Md Isa, N., & Razalli, A. R. (2021). 'Let's Play the Alphabet' Kit Increase Special Educations Literacy Skill in Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14, 18-31.
- Puranik, C. S., Lonigan, C. J. (2011). From scribbles to scrabble: Preschool children's developing knowledge of written language. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 24(5), 567-589.

- Rashidah, R. (2013). Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih komsas dalam Bahasa Inggeris tingkatan empat. Thesis PhD. University Kebangsaan Malaysia.
- Reney Pantun. (2017). Penggunaan teknik nyanyian dalam meningkatkan kefahaman murid tahun dua dalam topik pembundaran. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 677-686.
- Rosli M.F. dan Omar B. (2013). Penggunaan teknik nyanyian dan mnemonik dalam meningkatkan penguasaan kata sendi nama dari pelajar tahun tiga. *Kajian Tindakan PISMP 2013*, 2(7).
- Tameon, S. M. (2018). Peran Bermain Bagi Perkembangan Kognitif dan Sosial Anak. *Penelitian dan Pengembangan Pendidikan*, 26-3.